

# PM lawat syarikat utama pertahanan, aeroangkasa Turkiye

BH- 8/7/2022 m/s: 2

## Kunjungan bagi tingkat kerjasama dua negara dalam bidang teknologi

**Ankara:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melawat dua syarikat pemain utama industri pertahanan dan aeroangkasa Turkiye untuk meningkatkan kerjasama antara Malaysia dan republik itu dalam bidang teknologi, kelmarin.

Perdana Menteri yang dalam lawatan rasmi empat hari ke Turkiye, melawat MKE Corporation dan Turkish Aerospace Industries (TAI).

Sebaik tiba di MKE, beliau di-

sambut oleh Menteri Pertahanan Turkiye Hulusi Akar dan Ketua Pegawai Eksekutif MKE Yasin Akdere sebelum diberi taklimat mengenai operasi perintis sektor pertahanan Turkiye itu.

MKE, sebuah syarikat milik kerajaan selaku pembekal utama kepada Angkatan Tentera Turkiye memiliki 10 kilang moden dan lebih 400 produk terbahagi kepada empat kategori - peluru, senjata, roket, bahan letupan dan piroteknik.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Panglima Tentera Udara, Tan Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan dan Panglima Tentera Darat, Tan Sri Zamrose Mohd Zain.

Ketika melawat TAI, Ismail Sabri diberi taklimat mengenai ope-

rasi syarikat itu oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof Temel Kotil.

Turut serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Abdul Latiff Ahmad dan Pengerusi Bersama (Industri) Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT), Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Pada akhir lawatan, satu per-tunjukan udara diadakan untuk delegasi Malaysia menggunakan pesawat tempatan dibangunkan Turkiye, helikopter T129 ATAK, pesawat tanpa pemandu Anka, pesawat latihan Hurkus dan helikopter Gokbey.

Terletak di ibu kota, kilang pengeluaran TAI meliputi kawasan seluas lima juta meter persegi dengan 150,000 meter persegi kemudahan industri.

BERNAMA